

UMP jalin hubungan baik dengan IPT Amerika Syarikat bagi memperkasa bidang teknologi kejuruteraan



Amerika Syarikat, 1 April- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti di Amerika Syarikat dalam usaha memperkasa bidang teknologi kejuruteraan. Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Timbalan Provost University of Houston (UH), Dr. Jaime Ortiz bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan pengetahuan dalam memperkasa bidang teknologi kejuruteraan.

"Kerjasama ini membabitkan kerjasama akademik bagi pertukaran staf, pelajar dan menjalankan penyelidikan bersama. Hasil hubungan baik ini juga kedua-dua pihak bersetuju bagi berkongsi kepakaran sama ada sebagai profesor tamu ataupun profesor pelawat," kata Dato' Dr. Daing yang mengetuai delegasi UMP yang berkunjung ke UH Amerika Syarikat.

Hadir sama dalam perbincangan Dekan Interim, Dr. Eldin, Pengurus Kejuruteraan Teknologi, Dr. Shireen, Penolong Dekan Hal Ehwal Akademik, Dr. Malki, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid dan Pengarah Program Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Vedaraman Sriraman. Delegasi berpeluang melihat sendiri pengurusan projek sarjana muda yang dilaksanakan oleh pihak UH serta melawat ke makmal universiti.



Dalam masa yang sama UMP juga berpeluang membina hubungan baik dengan pihak Texas State University (TSU) bagi berkongsi informasi berkenaan teknologi kejuruteraan serta pengurusan akreditasi Accreditation Board of Engineering and Technology (ABET) yang menepati standard piawaian antarabangsa

Profesor Dato' Dr. Zularisam berkata, perbincangan memberi tumpuan terhadap kriteria pengambilan staf, penilaian program dan pelajar serta perbezaan di antara program teknologi kejuruteraan dan program kejuruteraan. Pihak TSU dihadiri Ketua Program Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Andy Batey, dan Profesor Madya Dr. Farhad Ameri. Delegasi dari FTek juga turut melawat beberapa makmal bagi mendapatkan gambaran suasana pengajaran dan pembelajaran di TSU.

Manakala kunjungan delegasi UMP ke Texas A & M University (TAMU) juga memberi peluang kepada pihak UMP untuk mempertingkatkan kedah pengajaran dan pembelajaran terhadap program teknologi kejuruteraan yang memfokuskan aspek praktikal dan kemahiran pelajar dalam membuat sesuatu projek. Hadir dalam perbincangan Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Reza Langari, Dr. Jay Porter, Dr. Micheal Johnson, Dr. Barry Lawrence, Dr. Joe Morgan dan Dr. Wei Zhan.





Penglibatan aktif industri juga banyak membantu dalam meningkatkan pemahaman umum berkaitan bidang ini malahan penerimaan teknologi kejuruteraan di Amerika Syarikat adalah lebih meluas sebagai satu cabang bidang professional dalam usaha membantu memajukan sesebuah negara. Bidang teknologi kejuruteraan adalah aplikasi kepada prinsip kejuruteraan dan teknologi moden dalam membantu menyelesaikan masalah teknikal dalam kejuruteraan hari ini. Program teknologi kejuruteraan di Malaysia adalah agak baharu dan kurikulum yang direka adalah untuk memenuhi keperluan dalam bidang kejuruteraan.

Berita dan gambar disediakan Emma Melati Burhanuddin dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 04-04-2016, 13:29:38